



**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
 FELCRA NASARUDDIN (BELIA), BOTA, PERAK (DAERAH PERAK TENGAH)
 KEMASKINI : 3 FEBUARI 2021**

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang terlibat	Felcra Nasaruddin (Belia), Bota Perak (Daerah Perak Tengah).
Tempoh Kuat kuasa	3 Febuari 2021 (12.00 pagi) sehingga 16 Febuari 2021 (11.59 malam).
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT. • Laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. • Semua penduduk di dalam kawasan PKPD TIDAK DIBENARKAN keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah TIDAK DIBENARKAN. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan <i>case to case basis</i> • Bagi penduduk yang bekerja, majikan dipohon untuk mengambil maklum akan perintah ini dan membenarkan bekerja dari rumah (<i>work from home</i>). • Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, DIBENARKAN setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM. • Perkhidmatan penghantaran (<i>food panda & grab</i>) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD.
Saluran Makanan dan keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi kawasan dan penduduk yang terputus bekalan makanan dan keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Perak Tengah dan diagihkan oleh APM dan RELA. • Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain- lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Perak Tengah.
Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah TIDAK DIBENARKAN. • Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM. • Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan